

Tragedi tahfiz, dadah dan masalah sosial

BH Selasa, 19 September 2017

Ms.11

→ ISU

Tragedi tahfiz, dadah dan masalah sosial

Tragedi 23 pelajar dan guru maahad tahfiz yang terkorban baru-baru ini menuntut kita mengajak bersama-sama muhasabah diri terhadap situasi yang berlaku. Tragedi ini hanyalah simptom kepada masalah sosial yang melanda masyarakat kita hari ini.

Individu suspek di bawah umur (juvenile) yang ditahan disyaki di-sahkan positif dengan dadah jenis syabu (methamphetamine) iaitu sejenis dadah jenis stimulan atau dadah perangsang.

Namun begitu, persoalan yang lebih penting harus diteliti bersama. Bagaimana program pencegahan dadah di sekolah dapat memberikan impak positif di dalam masyarakat?

Penyalahgunaan dadah banyak babitkan remaja

Pelajar di sekolah ada didedahkan dengan Program Pendidikan Pencegahan Dadah (PPDa) terutamanya di sekolah menengah yang mana risiko penyalahgunaan dadah dan bahan terlarang banyak dilaporkan dilakukan kelompok remaja.

Persoalannya, bagaimana proses intervensi yang dijalankan memberi manfaat kepada kelom-

pok sasaran. Dalam merungkai permasalahan ini berikut adalah sembilan syor menanganinya:

Pertama, program pencegahan dadah PPDa sewajarnya dapat membantu guru, ibu bapa dapat mengenal pasti apakah faktor pelindung dan faktor risiko kepada remaja sekolah dalam komuniti berkenaan.

Ini penting agar intervensi yang lebih progresif dapat dilakukan. Program PPDa tidak hanya terhad kepada laluan PPDa semata-mata yang dipertandingkan setiap tahun.

Kedua, guru terutama guru kaunselor memerlukan ilmu secara teoretikal dan aplikasi dalam memilih pendekatan pencegahan dadah yang bersesuaian kepada kelompok sasaran bagi mengurangkan pembaziran sumber.

Ketiga, selain daripada ilmu pencegahan dadah, guru kaunselor juga perlu dipersiapkan dengan ilmu kaunseling ketagihan dadah. Majoriti kaunselor di sekolah di Malaysia tidak mempunyai latihan yang mencukupi untuk menjalankan sesi kaunseling ketagihan dadah yang berkesan kepada pelajar yang terkesan dalam intervensi yang dijalankan.

Keempat, pelaksanaan program pencegahan awalan (primary pre-

vention), pencegahan pertengahan (secondary prevention), dan pencegahan lanjutan (tertiary prevention) perlu menjawab kepada kajian keperluan (need analysis) kepada sesebuah sekolah dan komuniti terbabit sama ada murid sekolah dan lokasi sekolah dikategorikan sebagai berisiko tinggi atau berisiko rendah dalam permasalahan dadah.

Perlu ada kemahiran penyertaan semua pihak

Kelima, pentadbir sekolah (pengetua, guru besar dan kerani) di samping guru serta pemimpin masyarakat perlukan maklumat dan kemahiran dalam merangka program pencegahan dadah yang dapat dijalankan secara berterusan.

Keenam, program pencegahan dadah perlu dijalankan dengan pembabitkan komuniti secara berterusan dengan kos minimum.

Ketujuh, ACREDA dengan kerjasama Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) telah menghasilkan inovasi program pencegahan dadah kepada pemimpin komuniti, *Community Battery Drug Prevention Strategy (COMBATDAPS)*.

Usaha ini dilakukan supaya dapat diperluaskan lagi kepada se-

mua guru dan pemimpin dalam komuniti termasuklah ketua kampung, Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), imam dan pengurus masjid supaya program seumpamanya dapat dijalankan di masjid dan pusat komuniti.

Kelapan, Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Jabatan Pendidikan Negeri Selangor (JPNS) memulakan inisiatif dengan kerjasama AADK bersama ACREDA menghasilkan garis panduan kepada guru kaunselor dalam membantu pelajar bermasalah dengan penyalahgunaan dadah dan bahan terlarang dengan pelaksanaan *Drug Intervention Taskforce (DIT)* sebagai pencelahan (intervention) menggunakan teknik kaunseling *Motivational Interviewing*.

Kesembilan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) wajar menimbangkan lebih rama guru dan kakitangan awam diberikan latihan formal pencegahan dadah melalui program Special Program for Alcohol and Drug Abuse (SPADA) yang ditawarkan di peringkat Diploma Siswazah dan Sarjana Kaunseling Penyalahgunaan Dadah oleh USIM dan Universiti Malaysia Sabah.

Komentar



Dr Mohamad Isa Amat
Pengerah Pusat Penyelidikan Penyalahgunaan Dadah Asia (ACREDA) Universiti Islam Sains Malaysia (UISM)